



جايتن حال احوال اكام اسلام نكري سابه

KHUTBAH JUMAAT 20 SYAWAL 1441H / 12 JUN 2020M

ISTIQAMAH MENGHADAPI MUSIBAH

Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٢﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya: *"Wahai sekalian orang-orang Yang beriman! mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah Dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) Dengan bersabar dan Dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana Sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang Yang sabar". (Al-Baqarah:153)*

HADIRIN JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT,

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula 10 Jun lepas menyaksikan pembukaan hampir keseluruhan sektor ekonomi Malaysia. Dalam kesibukan kembali bekerja, janganlah alpa tanggungjawab utama kita kepada Allah SWT sebagai hambaNya yang beriman.

Sepanjang PKP beberapa bulan yang lalu, mimbar percaya ramai yang mengambil kesempatan dengan masa yang terluang memperbanyak ibadah sama ada yang wajib mahupun yang sunat. Kita lakukan ibadah tersebut sebagai persiapan menghadapi dunia yang kekal abadi nanti. Imam Al-Ghazali ada berpesan: *"Ketahuilah dunia ini adalah tempat singgah untuk sementara waktu, bukan tempat tinggal yang sebenarnya, sedangkan manusia di dalamnya selaku musafir yang sedang berkelana".*

PARA JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Allah SWT telah berjanji bahawa dalam setiap ujian pastinya akan datang kemanisan kepada hamba-hambaNya yang bersabar. FirmanNya dalam surah Al-Baqarah ayat 155 yang bermaksud: *"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu Dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. dan berilah khabar gembira kepada orang-orang Yang sabar".*

Dunia ini merupakan medan ujian. Ia juga merupakan tempat ibadah. Semua manusia sudah pasti akan menempuhi ujian dan cabaran. Begitu juga dengan para anbiya utusan Allah SWT.

Perlu diingat bahawa setiap ujian yang datang itu merupakan *sunatullah*. Malahan ujian yang ditimpakan kepada manusia itu bertujuan untuk meningkatkan keimanan, menghapuskan dosa serta memberikan peluang untuk memperbaiki kualiti amalan kita. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda: *“Tidaklah seorang Muslim tertimpa suatu penyakit dan seumpamanya melainkan Allah akan menggugurkan bersamanya dosa-dosanya seperti pohon menggugurkan daun-daunnya”* (HR. Bukhari dan Muslim)

PARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pandemik Covid-19 kini yang masih tidak ditemui penghujungnya mungkin teguran kecil daripada Allah SWT agar kita kembali mengharapkan keredhaan-Nya. Hanya dengan bersabar menghadapi ujian ini bersama amal ibadah yang istiqamah boleh memberikan kekuatan kepada kita. Oleh itu, mimbar menyeru kepada jemaah Jumaat yang hadir untuk meningkatkan amal ibadah kita secara konsisten sebagai ubat kesedihan menjalani ujian wabak ini dengan cara:

1. Sentiasa istiqamah dan berazam untuk mengekalkan amalan-amalan kebaikan yang fardhu dan yang sunat.
2. Berpegang kepada Aqidah yang benar dan menjauhi perkara-perkara syirik.
3. Bersyukur dengan apa yang ada, dan redha dengan apa yang tiada..

Firman Allah SWT :

تَبْرَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٢﴾

Maksudnya: "Maha berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Tuhan Yang Menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat); dan memanglah ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu; Dia lah Yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu Yang lebih baik amalnya; dan ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang Yang bertaubat)" (Al-Mulk: Ayat 1 dan 2)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU

Tel: 088-522127 @ 088-522142